

27 FEBRUARI 2018

3 pelajar sekolah ketagih ketum

10 NEGARA!

KOSMO! SELASA 27 FEBRUARI 2018

Suspek kaut untung jual air ketum pada harga RM15 bagi setiap botol 3 pelajar sekolah ketagih ketum

Oleh MUHAMMAD AYMAN
GHAFFA

BATU GAJAH – Tiga pelajar sekolah menengah antara 14 lelaki yang ditahan dalam dua serbuan berasingan di Kampung Baru dan Kampung Air Mati di sini minggu lalu.

Dalam serbuan pada pukul 2.30 petang 22 Februari lalu, kesemua suspek yang berusia antara 16 hingga 36 tahun ditahan di dua buah rumah yang dijadikan lokasi penagih ketum untuk melepaskan gian.

Ketua Polis Daerah Batu Gajah, Asisten Komisioner Ahmad Tarmizi Shaari berkata, dalam kedua-dua serbuan itu, pihaknya turut merampas air ketum bernilai RM320 yang dipercayai untuk dijual kepada penduduk tempatan.

Jelasnya, tiga pelajar sekolah itu ditahan bersama-sama empat lelaki yang lain dalam serbuan di Kampung Air Mati dekat sini.

Kata beliau, hasil pemeriksaan, pihaknya turut menemui lima botol plastik dan sembilan bungkus berisi air ketum bernilai RM165.

“Ujian saringan air kencing mendapati semua suspek negatif dadah.

“Bagaimanapun, polis masih menyiasat penglibatan pelajar terbabit dalam kegiatan penagihan air ketum,” katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Batu

Gajah di sini semalam.

Terdahulu, dalam serbuan pertama di sebuah rumah di Kampung Bakap Baru dekat sini, polis turut menahan tujuh lelaki.

“Hasil pemeriksaan lanjut menemui sembilan botol plastik berisi cecair air ketum yang dipercayai dijual pada harga RM15 bagi setiap botol.

“Dua daripada suspek mempunyai rekod lampau berkaitan kes memiliki dadah dan air ketum,” tambahnya.

Beliau berkata, siasatan mendapati kesemua suspek dipercayai aktif dalam kegiatan itu sejak dua bulan lalu dengan memasakkan sendiri air ketum sebelum dijual.

Jelasnya, polis juga se-



AHMAD TARMIZI (tengah) menunjukkan sebahagian daripada air ketum bernilai RM320 yang dirampas dalam dua serbuan di Batu Gajah baru-baru ini.

dang mengenal pasti lokasi suspek menerima bekalan daun berkenaan dan kesemua mereka dilepaskan dengan jaminan po-

lis sementara menunggu laporan kimia.

Kes disiasat mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 yang boleh dikena-

kan hukuman penjara sehingga empat tahun atau denda RM10,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.